


PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI SELASA: 14 OKTOBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 12 HINGGA 34)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 11
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
TARIKH : 14 OKTOBER 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian terkini sejak pelancaran Wilayah Pembangunan Koridor Utara dan nyatakan butir-butir projek yang akan dilaksanakan di Pulau Pinang untuk membawa pembangunan yang mampan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan dua lagi soalan mengenai Koridor Utara ini iaitu:

- i. soalan No. 9 oleh **Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Kasim** [Kuala Kedah] pada 20 Oktober 2008; dan
- ii. soalan No. 15 oleh **Y.B. Dato' Ismail bin Kasim** [Arau] pada 4 November 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebanyak 33 program dan projek telah diperakukan bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (KSP RMKe-9). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 projek akan dilaksanakan dalam tahun 2008 dan peruntukan sebanyak RM45 juta telah disalurkan kepada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). NCIA telah memulakan pelaksanaan beberapa program dan projek khususnya penyediaan kemudahan infrastruktur asas yang diperlukan bagi menarik pelaburan swasta ke NCER.

Untuk makluman Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjung), selain daripada infrastruktur, objektif NCER juga mensasarkan pembangunan sektor pembuatan bagi Pulau Pinang. Antara program dan projek pembuatan yang melibatkan Pulau Pinang termasuklah Projek Inkubator Bioteknologi di Seberang Perai (akan bermula pada 2009); Pembinaan Pusat Kecemerlangan Mikroelektronik di USM (bermula 2008 di peringkat perundingan dengan stakeholders); dan Menaiktaraf Infrastruktur di Zon-zon Perindustrian Pulau Pinang seperti di Prai, Mak Mandin dan Bayan Lepas (sedang dilaksanakan). Selain itu, terdapat juga projek dalam sektor pertanian yang dilaksanakan di Pulau Pinang seperti Pembinaan Pusat Penternakan Lembu Fidlot di Bukit Tengah dan Seberang Perai Utara (sedang dilaksanakan).

Pelaksanaan program dan projek ini bukan sahaja akan membawa pembangunan ekonomi yang lebih pesat bahkan memberi faedah

khususnya menyediakan infrastruktur asas yang lengkap, menjana peluang pekerjaan kepada graduan dan masyarakat setempat serta tenaga kerja berpengetahuan tinggi; dan menyediakan platform bagi penglibatan lebih banyak industri kecil dan sederhana di NCER. Kerajaan percaya, dengan adanya lebih banyak peluang pekerjaan atau perniagaan ini maka penduduk tempatan akan mendapat lebih banyak faedah terutamanya dari segi peningkatan pendapatan dan seterusnya kualiti hidup ke tahap yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman **Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Kasim** [Kuala Kedah], antara program dan projek utama sektor pertanian di NCER yang dicadangkan di bawah Pelan Induk NCER termasuk Pembangunan tanaman padi di dalam dan luar kawasan MADA; Pemulihan dan penambahbaikan saluran dan saliran ke kawasan sawah di Kedah dan Perlis; Pembangunan pusat pembiakan dan penternakan lembu dan kambing serta pusat pengeluaran makanan haiwan; Projek tanaman rumput sorghum dan jagung di Kedah; dan Program pembangunan sumber manusia agroteknokrat di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Projek-projek tersebut adalah sebahagian daripada projek yang telahpun dikaji semula keutamaannya bagi memastikan ianya dapat memberi faedah secara langsung kepada rakyat serta memberi fokus kepada keperluan menambah bekalan pengeluaran makanan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B. Dato' Ismail bin Kasim [Arau], dengan mengambil kira kedudukan ekonomi semasa dan keperluan pelaburan di setiap koridor, Kerajaan telah menetapkan jumlah peruntukan bagi semua koridor pertumbuhan di bawah KSP RMKe-9 sebanyak **RM10 bilion**. Agihan peruntukan mengikut koridor pula bergantung kepada kesesuaian cadangan program dan projek bagi setiap Pihak Berkuasa Koridor berkenaan. Penyaluran peruntukan adalah tertakluk kepada keupayaan pelaksanaan pihak berkuasa koridor berkenaan. Bagi memastikan manfaat yang diperolehi daripada pertumbuhan ekonomi hasil pelaksanaan program dan projek diagih secara saksama, Kerajaan telah menetapkan projek teras di setiap negeri dan sasaran ekonomi di kawasan yang diberi keutamaan akan memberi penekanan kepada penglibatan masyarakat tempatan dan ini akan diselaraskan oleh pihak NCIA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Tuan Mohd Nizar bin Zakaria

TARIKH: 14 OKTOBER 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan beberapakah jumlah siswazah yang masih menganggur dan apakah pendekatan yang diguna pakai oleh Kementerian untuk membolehkan para siswazah dalam negara mendapat tempat dalam pasaran pekerjaan yang semakin mencabar.

PR-1213-L16017

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga akhir bulan Ogos 2008, terdapat seramai 89,511 orang siswazah yang telah mendaftar secara *online* untuk mendapatkan pekerjaan melalui sistem *JobsMalaysia*, Kementerian Sumber Manusia (KSM). Walau bagaimanapun jumlah ini bukanlah merupakan jumlah keseluruhan siswazah yang menganggur dalam negara kita kerana bukan semua siswazah yang menganggur berdaftar dengan *JobsMalaysia*. Daripada jumlah tersebut, seramai 44,142 orang atau 49.3% tidak bekerja, 42,529 orang atau 47.5% sedang berkerja dan mencari pekerjaan yang lebih baik, manakala baki 2,840 orang atau 3.2% bekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengurangkan kadar pengangguran dan membantu graduan yang menganggur mendapatkan pekerjaan secepat mungkin, KSM telah melaksanakan pelbagai strategi untuk membantu penganggur seperti berikut:-

- i) KSM telah menyediakan Sistem *JobsMalaysia* menarik lebih ramai pencari kerja untuk mendaftar dengan sistem tersebut,
- ii) Pewujudan Sistem *Client Account* iaitu majikan terpilih yang memerlukan pekerja diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai dan dilaksanakan dengan lebih aktif .
- iii) Memperbanyakkan program Karnival Pekerjaan (*Job Fair*) termasuk di IPTA dan IPTS yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja dari semasa ke semasa bagi membantu menemukan pencari kerja dan majikan.
- iv) Mengadakan ceramah dan kaunseling kerjaya kepada pencari kerja untuk para graduan bagi memberi penjelasan mengenai keperluan kerjaya masa kini disamping memberi pendedahan tentang kehendak pasaran pekerjaan semasa di samping panduan bagaimana menghadapi temuduga;
- v) Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bertujuan menghasilkan *k-workers* mengikut keperluan industri.

Tuan Yang Di Pertua,

Dengan pelaksanaan langkah-langkah diatas, adalah diharapkan para graduan akan mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)
TARIKH : 14.10.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah sekolah rendah dan menengah untuk golongan OKU di setiap daerah dalam negeri Johor. Berapakah bilangan pelajar dan nisbah jantina mengikut peringkat pendidikan di sekolah rendah dan menengah. Apakah bentuk subsidi dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan untuk membantu mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini jumlah sekolah rendah dan sekolah menengah untuk murid kurang upaya di Johor adalah sebanyak 4 buah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) iaitu SKPK Muar (Masalah Pendengaran), SKPK Batu Pahat (Masalah Pendengaran), SKPK Johor Bharu (Masalah Pendengaran) dan SKPK Princess Elizabeth (Masalah Penglihatan) manakala terdapat 1 buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) iaitu SMPKV Indahpura (Masalah Penglihatan, Masalah Pendengaran dan Masalah Pembelajaran).

Selain itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) turut mewujudkan Program Pendidikan Khas Integrasi di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Berdasarkan data terkini, jumlah sekolah rendah yang terlibat adalah sebanyak

236 iaitu 21 (Prasekolah), 211 (Masalah Pembelajaran) dan 4 (Masalah Pendengaran) manakala jumlah sekolah menengah yang terlibat pula adalah sebanyak 102 iaitu 93 (Masalah Pembelajaran), 7 (Masalah Pendengaran) dan 2 (Masalah Penglihatan).

Bilangan pelajar yang mengikuti pendidikan di sekolah rendah adalah sebanyak 286 orang (4 SKPK) dan 3,063 orang (236 Program Pendidikan Khas Integrasi) manakala bilangan pelajar yang mengikuti pendidikan di sekolah menengah pula adalah sebanyak 184 orang (SMPKV Indahpura) dan 2,073 orang (102 Program Pendidikan Khas Integrasi).

Kerajaan telah menyediakan kemudahan yang bersesuaian mengikut golongan murid tersebut serta memberikan pelbagai subsidi dan insentif. Antaranya;

- i. Elaun Khas Pelajar Kurang Upaya (OKU) sebanyak RM50.00 sebulan. Kerajaan telah mencadangkan elaun tersebut akan dinaikkan kepada RM150 sebulan berdasarkan Bajet 2009;
- ii. Skim Pinjaman Buku Teks;
- iii. Skim Insuran Takaful Kemalangan Kelompok;
- iv. Pemansuhan yuran peperiksaan;
- v. Pemberian pakaian seragam;
- vi. Pemberian bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin;
- vii. Program Susu Sekolah;
- viii. Rancangan Makanan Tambahan dan sebagainya.

Bagi pembantu guru di sekolah berkenaan, kerajaan telah mencadangkan penyediaan bayaran insentif sebanyak RM200 sebulan dalam Bajet 2009.

KPM telah berjaya dalam membantu menyediakan pelbagai kemudahan kepada murid kurang upaya atau berkeperluan khas ini. Sesungguhnya KPM akan terus

berusaha meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan pelajaran untuk kanak-kanak ini.

Rjm 23

NO. SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU]

TARIKH : 14 Oktober 2008

SOALAN :

Y.B. Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak hasil pengeluaran minyak dari Sabah oleh Petronas dari tahun 2002 hingga 2007 dan berapakah nilai dalam Ringgit Malaysia yang telah dibayar kepada Kerajaan negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengeluaran minyak mentah dan konsendat dari luar pantai Sabah dari tahun 2002 hingga 2007 adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Pengeluaran (juta tong setahun)
2002	35.2
2003	36.6
2004	34.5
2005	29.0
2006	29.8
2007	32.6

Jumlah royalti yang telah dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Sabah mengikut tahun kalender (Januari – Disember) pula adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM juta)
2002	166.5
2003	207.4
2004	254.9
2005	276.7
2006	409.7
2007	365.4
Sehingga Mac 2008	267.0

SOALAN NO. 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA TING
KAWASAN : KULAI
TARIKH : 14.10.2008 (SELASA)

**Y.B. DATO ' SERI ONG KA TING (KULAI) minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:-**

- (a) jumlah AP (approved permit) yang telah diluluskan dari tahun 2004 sehingga Jun 2008; dan**
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk meliberalisasikan sektor automotif dan cara untuk meningkatkan kompetitif syarikat automotif Malaysia.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di pertua,

Bagi tempoh 2004 hingga Jun 2008, jumlah AP telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka dan AP Francals adalah seperti berikut:

- **tahun 2004, sebanyak 51,719 unit;**
- **tahun 2005, sebanyak 57,267 unit;**
- **tahun 2006, sebanyak 38,545 unit;**
- **tahun 2007, sebanyak 27,838 unit; dan**
- **bagi tempoh Januari hingga Jun 2008, sebanyak 21,316 unit.**

Tuan Yang Di Pertua,

Langkah mengliberalisasi sektor automotif dilakukan secara progresif menerusi perjanjian-perjanjian perdagangan bebas yang sedang dirunding atau yang telah ditandatangani Kerajaan. Melalui perjanjian ini, duti import kenderaan akan dikurangkan dan dihapuskan sepenuhnya berperingkat-peringkat. Hingga ke hari ini, di peringkat serantau kerajaan telah melaksanakan perjanjian perdagangan bebas di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN, Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea, Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China, manakala diperingkat duahala dengan negara Jepun dibawah Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement dan Pakistan melalui Malaysia-Pakistan Closer Economic Partnership Agreement.

Selaras dengan objektif Dasar Automotif Negara bagi menggalakan industri automotif tempatan yang kompetitif dan berdaya tahan terutamanya pengeluar tempatan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- menyokong pembangunan sektor automotif tempatan melalui pakej geran dan insentif yang komprehensif seperti Dana Pembangunan Automotif , Dana Penyelarasan Industri dan Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Modenisasi;
- menggalakkan inisiatif rationalisasi pengedar dan pembekal komponen automotif untuk mewujudkan struktur industri yang kompetitif;
- menggalakkan industri untuk menubuhkan usahasama strategik antarabangsa; dan
- menggalakkan industri meningkatkan skala pengeluaran dengan mengeluarkan model-model untuk segmen pasaran khusus dan meningkatkan rangkaian industri dengan menggunakan komponen automotif tempatan.

SOALAN NO. (17)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGAM)
TARIKH : 14 OKTOBER 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGAM) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang akan diambil untuk mengatasi masalah tapak pelupusan sampah yang hampir penuh di kawasan Simpang Renggam.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) peka akan permasalahan tapak pelupusan sampah yang hampir penuh di kawasan Simpang Renggam. Oleh yang demikian, KPKT telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan bagi peluasan dan menaiktaraf tapak pelupusan Ladang CEP1 di Simpang Renggam daripada pembuangan secara terbuka kepada tahap sanitari. Pada ketika ini pihak KPKT dalam proses untuk melantik pihak perunding bagi projek naiktaraf tersebut.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2008

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Tuan Jeff Ooi Chuan Aun
[Jelutong]**

TARIKH : **14 Oktober 2008 (Selasa)**

SOALAN : **18**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Westports Malaysia Sdn Bhd telah menjelaskan hutang sewa operasi Westports di kawasan pesisir pantai yang tertunggak sebanyak RM 1 bilion sejak ia mula beroperasi pada tahun 1996. Kalau tidak, apa penalti yang telah dikenakan ke atas pengurusan Westports (Laporan Utusan Malaysia 15 Mei 2007 ada kaitan)

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Dakwaan sepertimana di dalam laporan Utusan Malaysia bertarikh 15 Mei 2007 bahawa Westports Malaysia Sdn. Bhd. berhutang sewa operasi sebanyak RM 1 billion dengan Lembaga Pelabuhan Kelang adalah tidak betul sama sekali.

Dimaklumkan bahawa di bawah Perjanjian Penswastaaan, tanah pelabuhan di Pulau Indah adalah dipajakkan kepada Westports Malaysia Sdn. Bhd. untuk satu tempoh tertentu dan dalam pada itu Westports perlu membayar sewa pajakan tahunan kepada Lembaga Pelabuhan Kelang. Jumlah nilai sewa pajakan pada akhir tempoh berkenaan adalah sebanyak RM 1.1 billion. Dengan demikian soal hutang sewa pajakan tidak berbangkit.

NO: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

SOALAN 19 : PR-1213-L15651
PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB
TARIKH : 14 Oktober 2008
SOALAN : YB Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerjasama Selatan-selatan merupakan satu pendekatan jalinan ekonomi, perdagangan, diplomasi dan keakraban sesama negara-negara telah banyak membantu Malaysia di masa lepas contohnya di dalam bidang diplomasi perdagangan seperti membantu Petronas dalam urusan globalnya. Adakah polisi ini diteruskan dan nyatakan tahap pencapaiannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerjasama Selatan-selatan adalah merupakan salah satu teras dasar luar Negara yang bertujuan meperkukuhkan kerjasama antara Negara-negara membangun dalam menguatkan pendirian bersama dalam isu antarabangsa demi kepetingan bersama. Ianya juga merupakan satu mekanisme berkesan dalam mengoptimumkan potensi Negara membangun untuk bekerjasama menerusi mobilisasi dan perkongsian kepakaran. Malaysia telah banyak meraih keuntungan dari kerjasama ini dari segi jalinan kerjasama ekonomi, perdagangan, diplomasi dan keakraban bersama negara-negara membangun di peringkat dua hala dan pelbagai hala.

2. Dalam aspek ekonomi dan perdagangan, hubungan rapat dengan negara-negara membangun yang tercapai melalui kerjasama Selatan-selatan telah membolehkan sektor swasta Malaysia mencari peluang pemiagaan baru dan meluaskan pasaran di negara-negara berkenaan. Bagi tujuan ini, dua badan swasta iaitu *Malaysian South-South Association (MASSA)* dan

Malaysian South-South Corporation (MASSCORP) melalui rangkakerja Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia (NCCIM), telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mempromosikan hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara membangun yang lain.

3. Dalam aspek diplomasi pula, Kerjasama Selatan-Selatan merupakan satu kaedah yang berkesan dalam membantu Malaysia meraih sokongan bagi pencalonan Malaysia di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang mempunyai kepentingan kepada negara. Di samping itu, menerusi forum antarabangsa Kerjasama Selatan-Selatan - Kumpulan 77 (*Group of 77*) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*Non-Alligned Movement*) telah membantu Malaysia menyampaikan pendiriannya terhadap isu-isu penting kepada negara. Kerjasama seumpama ini telah menambahkan lagi kuasa rundingan Malaysia dengan negara-negara maju.

4. Kerjasama Selatan-Selatan juga telah membolehkan Malaysia mempertingkatkan lagi kerjasama melalui perkongsian pintar dalam pelbagai bidang. Misalnya, dalam bidang diplomasi perdagangan, Kerjasama Selatan-Selatan secara tidak langsung telah membantu Petronas dalam urusan globalnya di negara-negara Selatan seperti Niger, Mozambique, Ethiopia, Equatorial Guinea, Cameroon, Chad, Benin, Nigeria dan Vietnam.

5. Penglibatan YAB Timbalan Perdana dalam *Southern Africa International Dialogue (SAID)* yang diadakan dari 28 hingga 31 Julai 2008 di Lusaka, Zambia telah berjaya memperlihatkan lagi kedudukan Malaysia sebagai negara contoh kepada negara-negara Selatan Afrika yang lain. Malaysia juga telah berjaya menengahkan isu-isu serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara-negara Selatan, seperti isu perubahan iklim, krisis makanan dan inflasi.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Dasar Malaysia terhadap Kerjasama Selatan-Selatan akan diteruskan memandangkan faedah yang telah diperolehi negara di masa lepas dan akan

datang melalui kerjasama ini sebagaimana yang diuraikan di atas. Dasar ini juga adalah selaras dengan komitmen Malaysia terhadap Kerjasama Selatan - Selatan dan prinsip *prosper-thy-neighbour*.

Disediakan oleh :
Loh Seck Tiong
KPS MEED
Kementerian Luar Negeri

Disemak oleh :
Mohd Zulkepli Mohd Noor
SUB MEED
Kementerian Luar Negeri

Diluluskan oleh :
Y.Bhg. Dato' Mohammad Kamal Yan Bin
Yahaya
Timbalan Ketua Setiausaha II
Kementerian Luar Negeri

Tarikh : 25 Ogos 2008

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHALID BIN
ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

TARIKH : 14 OKTOBER 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk membentuk dan pembiayaan tahunan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (Persekutuan) dan apakah matlamat sebalik penubuhannya

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, KKLW memperuntukkan sejumlah **RM29.08 juta** bagi tujuan pembayaran elaun Pengerusi, Setiausaha dan Elaun Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) bagi negeri Kedah, Perak, Selangor dan Pulau Pinang. Bayaran elaun pengerusi JKKKP ialah sebanyak RM450, Setiausaha RM200 manakala elaun pengendalian mesyuarat ialah sebanyak RM100 yang mana ianya dibayar secara bulanan.

Untuk makluman Yang Berhormat, matlamat penubuhan JKKKP ini adalah bagi membantu Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan melaksanakan tugas yang berkaitan projek-projek pembangunan di peringkat kampung dengan

lebih berkesan yang meliputi program-program pembangunan modal insan, infrastruktur, ekonomi dan pembasmian kemiskinan khususnya bagi negeri Kedah, Perak, Selangor dan Pulau Pinang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)
TARIKH : 14.10.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah projek pembangunan Sekolah Tamil Paya Besar, Kulim, Kedah akan dilaksanakan. Berapakah anggaran kos pembinaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Projek pembangunan Sekolah Tamil Paya Besar, Kulim, Kedah telah dimasukkan dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-9. Anggaran kos bagi projek ini adalah **RM 11.8 juta** dengan **skop projek 24 bilik darjah dan lain-lain kemudahan**. Pada masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih menunggu laporan teknikal tanah bagi tapak sekolah yang dicadangkan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : SELASA, 14 OKTOBER 2008

RUJUKAN : 05

SOALAN :

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senarai nama-nama pemilik tanah, butir-butir tanah (Hakmilik, Lot No. Mukim) dan kos pengambilan tanah oleh Kerajaan terhadap setiap lot tanah tersebut yang mana kos keseluruhannya adalah berjumlah RM25 juta untuk projek pelebaran jalan di Jalan Genting Kelang, di kawasan Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, adalah satu kebiasaannya bahawa projek pembinaan jalan melibatkan pengambilan tanah terutamanya di pusat bandar. Bagi projek ini, sejumlah 29 lot tanah terlibat dengan jajaran pelebaran jalan yang dilaksanakan untuk menampung

kesesakan lalu lintas di Jalan Genting Kelang ini. Sebanyak 23 lot adalah tanah persendirian dan 6 lot tanah Kerajaan. Lot-lot tanah tersebut adalah seperti di jadual yang dilampirkan.

Tuan Yang di-pertua,

Pemilik tanah akan diberi pampasan berdasarkan nilai pasaran semasa. Kos sebenar bagi pengambilan tanah hanya akan diketahui setelah nilainya ditentukan dengan tepat oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan.

JADUAL SENARAI BUTIR-BUTIR LOT TANAH INDIVIDU YANG TERLIBAT DENGAN PENGAMBILAN TANAH BAGI PROJEK MEMPERTINGKATKAN JALAN GENTING KELANG DARI PERSIMPANGAN JALAN AIR PANAS HINGGA PERSIMPANGAN JALAN 1/27A, KUALA LUMPUR

Bil	No. Lot (Mukim Setapak)	Nama Pemilik Tanah	Luas Diperlukan	
			Meter ² (m ²)	Ka ² (Ft ²)
1	Lot 3233 (21720)	1) Jagatheesan S/O Navaratnam 2) T.K. Prema A/P Raghavan 3) Lim Siew Lian (P.A)	18.847	202.8674118
2	Lot 3232(21719)	1) Lian Cheng Keong 2) Lian Cheng Seng	6.33	68.1355503
3	Lot 2495(21718)	W.T. Low & Ng Realty Sdn. Bhd	83.885	902.9305904
4	5888	Lam Chua Sdn. Bhd.	143.3	1,542.468303
5	5894	Ang Yoke Lian Construction Sdn. Bhd	291.027	3,132.588436
6	5895		198.452	2,136.119467
7	5896	Hon Kwong Holdings Sdn. Bhd.	198.384	2,135.387521
8	5897	Berjaya Steel Works Sdn. Bhd.	286.564	3,084.549105
9	3282		101.917	1,097.025415
10	3281	BP Malaysia Sdn. Bhd.	314.385	3,384.011845
11	3280	BP Malaysia Sdn. Bhd.	360.507	3,880.464902
12	7568		145	1,560.76695
13	3278	1) Chua Teong Kim @ Seow Teong Kim 2) Lee Yeen Lai 3) Ng Beng Ong	144.824	1,558.872502
14	21726	Ang Yoke Lian Construction Sdn. Bhd.	222.917	2,399.458525
15	21726	Royal Selangor International Sdn. Bhd.	230.584	2,481.985423
16	4547		222.917	2,399.458525
17	28284		747.368	8,044.601889
18	PT 7407(20019)		85.342	918.6136072
19	20020	Chip Seng Realty Sdn. Bhd.	49.284	530.4885404
20	26219	Platinum Victory Sdn. Bhd.	1,981.897	21,332.96094
21	2079	Kwong Hang Ho Limited	877.169	9,441.768171
22	2080	Kwong Hang Ho Limited	474.123	5,103.417301
23	PT 8683	FBO Land (Setapak) Sdn. Bhd.	1,143.032	12,303.49358
			8,328.55	89,642.4345

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]
TARIKH : 14 OKTOBER 2008
SOALAN :**

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah rakyat yang telah meninggal dunia akibat strok dan sakit jantung berbanding dengan AIDS dan tibi. Berapa ramai orang asing keturunan Filipina dan Indonesia yang dikesan menghidap penyakit berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit jantung dan strok merupakan antara sepuluh penyebab utama kematian di hospital-hospital Kerajaan sementara AIDS dan Tibi tidak termasuk di dalam senarai sepuluh penyebab kematian tersebut. Pada tahun 2006, sejumlah 40,586 kematian telah berlaku di hospital Kerajaan dan dari jumlah tersebut, sejumlah 15.7 peratus atau 6,372 kematian adalah disebabkan oleh penyakit jantung dan sejumlah 8.5 peratus atau 3,444 kematian adalah akibat strok

berbanding dengan hanya 1.2 peratus atau 482 kematian disebabkan oleh *HIV/AIDS* dan 1.8 peratus atau 724 kematian disebabkan oleh *Tibi*.

Bagi penyakit berjangkit yang berlaku di kalangan warga asing dari Indonesia dan Filipina, dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan tidak memantau kejadian penyakit berjangkit mengikut negara asal.

NW: 24

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN 24

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI JOSEPH PAIRIN
KITINGAN (KENINGAU)
TARIKH : 14 OKTOBER 2008
SOALAN : (a) DATUK Seri Joseph Pairin
Kitingan [Keningau] minta
MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan kegiatan mengeksploitasi pekerja dari Sabah di Singapura tidak terus berulang memandangkan kegiatan ini masih berleluasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Keningau ke atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini bagi tempoh Januari sehingga Julai 2008, seramai 1,016 orang rakyat Malaysia telah tampil membuat aduan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura kerana mendakwa dieksploitasi oleh majikan/ejen seperti dipaksa membuat kerja-kerja buruh kasar, tidak diberi rehat atau cuti, tidak dibayar gaji dan sebagainya. Kebanyakannya melarikan diri dari majikan/ejen dan pergi ke Suruhanjaya Tinggi Malaysia bagi mendapatkan bantuan. Dari jumlah ini, 466 orang adalah terdiri dari mereka yang berasal dari negeri Sabah dan dari bilangan ini 433 orang adalah lelaki dan 33 orang adalah belia wanita.

Suruhanjaya Tinggi Malaysia sentiasa memberikan bantuan sebaik mungkin kepada setiap aduan yang diterima. Seorang Atase Tenaga Kerja juga telah ditempatkan di pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia bagi membantu pekerja dari Malaysia yang dieksploitasi oleh majikan mereka. Selain itu, pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia turut menjalinkan kerjasama yang baik dengan pihak-pihak berkuasa Singapura seperti *Ministry of Manpower (MOM)* dan *Immigration & Checkpoint Authority* dalam usaha menghantar mangsa-mangsa pulang ke Malaysia.

Kementerian Luar Negeri turut sentiasa mengingatkan rakyat Malaysia yang mendapat tawaran pekerjaan di luar negara agar sentiasa berwaspada dengan sebarang tawaran yang diterima dan sekiranya terdapat kemusykilan berhubung kesahihan tawaran pekerjaan tersebut, ianya bolehlah dirujuk ke Kementerian Luar Negeri.

Disediakan oleh :
NOR KHUZAIMAH SUPAR
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Konsular

Disemakkan oleh :
AZMI ZAINUDDIN
PYMT Setiausaha Bahagian Konsular

Diluluskan oleh :
DATUK ISKANDAR SARUDIN
Timbalan ketua Setiausaha III
Kementerian Luar Negeri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 14.10.2008

Tuan Mahfuz bin Omar (Pokok Sena) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah kerajaan bersedia/bercadang melaksanakan penstrukturan semula nilai Ringgit Malaysia.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, rejim kadar pertukaran asing secara apungan terurus mula dilaksanakan sejak 21 Julai 2005. Di bawah sistem apungan terurus, kadar pertukaran ringgit ditentukan sebahagian besarnya oleh permintaan dan penawaran dalam pasaran pertukaran asing. Oleh itu, ringgit boleh menambah atau menyusut nilai mengikut keadaan pasaran.

2. Rejim kadar pertukaran asing ini telah memberi manfaat kepada ekonomi negara kerana ia memberikan keseimbangan yang baik antara kestabilan dan fleksibiliti kadar pertukaran. Rejim ini juga menggalakkan pasaran pertukaran asing yang teratur dan memberikan fleksibiliti yang diperlukan dalam membuat penyesuaian kepada perkembangan ekonomi dan kewangan antarabangsa. Oleh itu, Kerajaan buat masa ini mendapati tiada keperluan untuk menstrukturkan semula nilai Ringgit Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : SELASA, 14 OKTOBER 2008

RUJUKAN : 06

SOALAN :

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan:

- (a) apakah jenis tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk membentaras kegiatan *swingging club* yang kian berleluasa di ibu kota ; dan
- (b) berapakah bilangan rumah maksiat yang telah didakwa sejak 10 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Putatan, kelulusan Lesen Hiburan bagi aktiviti hiburan adalah berdasarkan peruntukan di bawah Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 dan Kaedah-Kaedah Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1993. Kawalan yang dikenakan ke atas aktiviti yang dijalankan oleh premis hiburan adalah dengan mengenakan syarat-syarat ke atas lesen yang diluluskan. Di antara aspek yang perlu dipatuhi adalah :-

- Had masa beroperasi;
- Tiada kacau ganggu bunyi bising;
- Tiada aktiviti tidak bermoral;
- Tiada penyalahgunaan dadah; dan
- Had umur pengunjung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi sepanjang tempoh Januari hingga Julai 2008, sebanyak 9 premis hiburan yang berlesen telah diberikan Surat Tunjuk Sebab bagi tujuan pembatalan lesen ekoran daripada melakukan kesalahan-kesalahan seperti berikut :-

- Beroperasi melewati had masa diluluskan;
- Mengadakan tarian lucah; dan
- Menggunakan khidmat Pegawai Perhubungan Pelanggan dari kalangan warganegara asing.

Sebanyak 4 premis telah dikenakan hukuman pelucutan hak ke atas wang cagaran dan digandakan wang cagaran. Satu premis dibatalkan lesen dan dirampas wang cagaran. Manakala 4 kes lagi sedang menunggu keputusan hukuman oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pembatalan Lesen dan Permit.

Jabatan Pelesenan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa membuat pemantauan berjadual dan berterusan ke atas aktiviti premis hiburan bagi memastikan pengusaha premis hiburan sentiasa mematuhi syarat lesen. Pada waktu yang sama DBKL turut mengguna pakai laporan tindakan daripada Jabatan / Agensi Kerajaan yang lain seperti pihak Polis Diraja Malaysia bagi memastikan pengusaha premis hiburan tidak terlepas daripada dikenakan tindakan apabila mereka gagal mematuhi syarat lesen.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : SELASA, 14 OKTOBER 2008

RUJUKAN : 07

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapakah DBKL tanpa mengambil kira bantahan penduduk-penduduk boleh meluluskan projek pembangunan kepadatan tinggi blok-blok bangunan kediaman 43 tingkat di Jalan Ceylon, Kuala Lumpur yang merupakan kawasan kepadatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, tapak yang dimaksudkan adalah terdiri daripada lot-lot 892-895 dan 1193 yang terletak di Jalan Ceylon, Seksyen 57, Kuala Lumpur.

Pada asalnya tapak ini dikhaskan untuk tujuan kediaman berkepadatan 60 orang seekar mengikut Pelan Pembangunan Lengkap yang diwartakan pada tahun 1970.

Satu permohonan kebenaran perancangan telah dikemukakan untuk pembangunan bercampur (kediaman dan pejabat) bagi membina 3 blok bangunan setinggi 41 tingkat dan 49 tingkat. Cadangan ini telah dirujuk untuk mendapatkan pandangan pemilik-pemilik bersebelahan setelah diiklankan di akhbar Utusan Malaysia dan New Straits Times pada 4 hingga 6 September 1995.

Berikutan beberapa bantahan yang difailkan, Sesi Mendengar Bantahan seterusnya telah diadakan pada 8 November 1995. Antara alasan-alasan bantahan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- i. Cadangan pembangunan adalah terlalu intensif bagi kawasan ini;

- ii. Jalan sedia ada terlalu kecil dan tidak dapat menampung jumlah kenderaan yang dihasilkan oleh pembangunan ini;
- iii. Tiada halangan terhadap pembangunan yang dicadangkan di lot berkenaan tetapi hendaklah seimbang dengan pembangunan sekitar dan adalah lebih sesuai sekiranya dikekalkan untuk kediaman sahaja;
- iv. Pembangunan pejabat/perdagangan terlalu berlebihan dan perkara ini merupakan pembangunan yang tidak dirancang;
- v. Ketinggian bangunan 49 tingkat akan merosakkan perancangan dan pembangunan sedia ada;
- vi. Masalah-masalah lain yang akan timbul semasa pelaksanaan projek seperti kerja "*excavation*" yang melibatkan semua lot-lot bersebelahan. Masalah keselamatan dan tempat letak kereta;
- vii. Kerja-kerja "*excavation*" yang akan dijalankan oleh pembangunan ini kira-kira 15 meter dalam. Perkara ini akan mendatangkan kesan yang agak serius kepada bangunan mereka sedia ada; dan
- viii. 4 tingkat *basement* yang dicadangkan perlu dikurangkan kepada 2 *basement* sahaja.

Setelah mengambil kira bantahan pemilik-pemilik lot bersebelahan, Jawatankuasa Perancang Bandar telah bermesyuarat pada 7 Disember 1995 telah memutuskan supaya permohonan ini ditangguhkan untuk diteliti semula kesesuaian *intensity* pembangunan, keperluan ruang letak kereta, komponen pejabat, nisbah plot dan lain-lain aspek teknikal.

Hasil kajian semula, Jawatankuasa Perancangan Bandar telah memutuskan untuk meluluskan cadangan pembangunan yang mengandungi butir-butir berikut :

- a. 2 blok kondominium 41 tingkat (220 unit) ;
- b. 1 blok bangunan 49 tingkat mengandungi pejabat/pangsapuri servis (536 unit) / kondominium (6 unit) ;
- c. 4 tingkat podium (kedai /ruang rekreasi/tempat letak kereta) ;
- d. 2 *basement* tempat letak kereta

Perintah Pembangunan telah dikeluarkan pada 10 April 1997.

Antara aspek-aspek penting yang telah diambil kira semasa meluluskan cadangan pembangunan ini adalah seperti berikut :

- a. Sejumlah 73% daripada ruang lantai pembangunan yang diluluskan adalah untuk kegunaan kediaman. Pembangunan kediaman berintensiti tinggi ini adalah selaras dengan dasar Pelan Struktur Kuala Lumpur 1984 untuk menggalakkan lebih ramai penduduk tinggal di dalam kawasan pusat bandar. Pelan Struktur ini juga menggalakkan tanah-tanah kediaman di pusat Bandar dibangunkan dengan pembangunan kediaman berskala tinggi seperti pangsapuri dan kondominium;
- b. Jalan Ceylon yang merupakan jalan keluar masuk ke tapak ini akan dilebarkan kepada 66 kaki untuk menampung pertambahan trafik yang dijanakan;
- c. Tapak cadangan ini mempunyai keluasan 2.67 ekar yang sesuai untuk pembangunan berintensiti tinggi;
- d. Pembangunan yang dicadangkan ini memperuntukkan jumlah ruang letak kereta yang mencukupi;
- e. Keadaan tapak cadangan pada amnya adalah rata dan dijangka tidak akan melibatkan kerja-kerja pemotongan tanah yang intensif;
- f. Pelan-pelan pindaan juga telah mengambil kira bantahan penduduk bersebelahan termasuk mengurangkan aras bangunan dengan 4 aras kepada

2 aras sahaja. *Intensity* pembangunan juga telah dikurangkan daripada nisbah plot 10.48 kepada nisbah plot 8.7;

- g. Beberapa kelulusan pembangunan pangsapuri juga pernah diberikan di sekitar tapak tersebut. Antaranya adalah seperti berikut:

Cadangan Pembangunan	No. lot/ Jalan	Luas tapak (ek)	Kepadatan / bil. unit	Tinggi	Tarikh Kelulusan JkPS
Menara Bukit Ceylon	123, Jalan Ceylon	0.763	553 ose (121 unit)	29 tingkat	PP 6.1.1990 (sedia ada)
Menara Radin	126, Jalan Ceylon	0.92	260 ose (48 unit)	21 tingkat	PP 19.7.1984 (sedia ada)
Bolton Court	125, Jalan Ceylon	0.927	107 ose (20 unit)	12 tingkat	Sedia ada
Prosperous Inn Sdn. Bhd.	928, 929 dan 931, Jalan Ceylon	0.795	126 ose (20 unit)	10 tingkat	P.P 30.1.2004
MMC	PT. 21, Persiaran Raja Chulan	1.49	komersial 310 unit	34 tingkat	P.P 22.2.2008

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembangunan ini telah beberapa kali dipinda dan pindaan terakhir yang diluluskan mengikut Perintah Pembangunan bertarikh 17.4.2007 mengandungi butir-butir berikut :

- a. 3 blok pangsapuri 43 tingkat (417 unit) **472 ose**
- b. 1 blok pangsapuri servis 4 tingkat. **komersial**

- c. 5 tingkat tempat letak kereta
- d. 2 *basement* tempat letak kereta
- e. Kolam renang dan kemudahan-kemudahan pangsapuri

Kelulusan pelan pindaan ini secara amnya mengekalkan jumlah luas lantai seperti kelulusan asal. Selain itu, semua komponen perdagangan telah ditukar kepada unit-unit kediaman. Pindaan ini adalah selaras dengan garis panduan perancangan dan telah mengambil kira bantahan yang telah dikemukakan oleh pemilik / penduduk bersebelahan tapak projek.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : SELASA, 14 OKTOBER 2008
RUJUKAN : 08
SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tujuan dan hasil yang dicapai dari lawatan ke Berlin dan Vancouver oleh Menteri Wilayah Persekutuan pada akhir bulan Mei hingga minggu kedua bulan Jun 2008 dan siapakah yang menyertai rombongannya, kos semua perjalanan termasuk tambang, makanan, penginapan dan sebagainya.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, lawatan kerja yang dimaksudkan adalah satu lawatan kerja rasmi YB Menteri Wilayah Persekutuan dan rombongan; dan adalah lawatan kerja ke bandaraya Vancouver, Kanada; Berlin di Jerman dan London di United Kingdom. Lawatan kerja ini berlangsung daripada 29 Mei hingga 7 Jun 2008.

Lawatan kerja ini telah mendapat persetujuan dan kelulusan Jemaah Menteri di dalam mesyuaratnya pada 16 Mei dan 23 Mei 2008 dan adalah merupakan satu lanjutan daripada proses penambahbaikan berterusan yang sedang dilaksana Kementerian Wilayah Persekutuan sejak tahun 2006 lagi.

Kementerian Wilayah Persekutuan sedang melaksanakan satu kajian terperinci terhadap keberkesanan fungsi dan peranan kementerian ini, di dalam memantapkan sistem penyampaian kerajaan di dalam mencapai matlamat visi sebuah Wilayah Persekutuan yang Maju dan Sejahtera. Di dalam hal ini, Kementerian ini telah melancarkan satu Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan pada tahun 2006 yang bertujuan untuk menggamit halatuju kementerian ke arah menjadi sebuah kementerian yang strategik dan kritikal kepada pembangunan negara.

Proses pemantapan fungsi dan peranan kementerian ini juga merangkumi proses pemantapan yang turut berlaku di ketiga-tiga agensi kerajaan tempatan di bawah Kementerian ini, iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya, dan dianjurkan menerusi akronim MANTAP yang menjadi teras strategik kepada pelan yang diperkenalkan.

Sewaktu proses ini dilaksanakan, kementerian ini menyusuri satu proses merakyatkan Kementerian Wilayah Persekutuan, menerusi program-program dan sidang retreat yang melibatkan pelbagai pihak daripada rakyat, badan bukan kerajaan (NGO), parti politik dan semua pihak berkepentingan dan stakeholders di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Sepanjang tempoh 2006-2008, kementerian telah melaksanakan 15 sidang retreat yang mencakupi semua aspek pentadbiran, pengurusan dan pembangunan di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang Di Pertua,

Hasil kajian dari sidang retreat ini turut menonjolkan pertindahan peranan dan fungsi yang berlaku di antara kementerian dan agensi-agensi di bawahnya. Oleh yang demikian, kementerian ini mendapati terdapat keperluan untuk mengkaji semula peranan dan fungsi kementerian dan agensi-agensinya secara menyeluruh atau holistik, yang turut diperkukuhkan sistem perundangan untuk menyelesaikan bukan sahaja isu-isu perkhidmatan perbandaran; tetapi juga pelbagai isu perbandaran lain yang pada waktu ini masih dikawal selia dan ditadbir di bawah bidang kuasa agensi-agensi lain seperti kawalan trafik, pengurusan sisa pepejal, pengairan dan saliran serta pemuliharaan alam sekitar dan kawasan hijau.

Justeru itu, kementerian mendapati terdapat keperluan untuk mengkaji dan mempelajari secara perbandingan mekanisme pengurusan, perundangan dan struktur pentadbiran yang mirip kepada pengurusan Wilayah Persekutuan, iaitu di bawah struktur Federal State Entities atau Federal Territories dan kerajaan tempatan (local/municipal government) dengan izin; yang diamalkan di beberap negara lain terpilih.

Tinjauan kementerian mendapati terdapat beberapa persamaan dari aspek struktur di antara Wilayah Persekutuan dan beberapa bandaraya atau wilayah seperti City of Vancouver di Canada, City of Berlin di Jerman dan City of London di United Kingdom, dan ketiga-tiga bandaraya ini dipilih sebagai bandaraya utama untuk dilaksanakan kajian perbandingan.

Di waktu yang sama, kementerian juga sedang meneliti kajian perbandingan dengan beberapa bandaraya dan wilayah lain yang turut mempunyai persamaan dengan Wilayah Persekutuan seperti Brasilia dan Kuritiba di Brazil, Canberra di Australia dan Islamabad di Pakistan. Lawatan-lawatan kerja akan dirancang ke bandaraya dan wilayah-wilayah ini di masa hadapan sekiranya perlu.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras lagi, kajian perbandingan yang dilaksanakan di ketiga-tiga bandaraya terpilih ini merangkumi aspek-aspek berikut:

- (i) perundangan yang digunapakai di negara-negara terbabit yang turut mengandungi Wilayah Persekutuan dan pihak berkuasa tempatan;

- (ii) struktur pentadbiran di bandaraya-bandaraya dan Wilayah-wilayah Persekutuan di negara-negara tersebut terutama dari aspek kuasa dan fungsi tugas datuk-datuk bandarnya;
- (iii) pembahagian dan penurunan fungsi dan kuasa di dalam struktur pentadbiran di peringkat kerajaan di bandaraya terbabit dan tatacara penurunan kuasa tersebut;
- (iv) polisi-polisi pembangunan Bandar, pengangkutan, alam sekitar, sumber tenaga, perkhidmatan sosial, keselamatan, sukan dan rekreasi yang diamalkan;
- (v) peranan dan kuasa institusi atau agensi kerajaan lain dan mekanisme yang diguna pakai untuk koordinasi serta penyelesaian isu-isu perundangan, peranan dan kuasa tersebut di dalam wilayah-wilayah persekutuan dan pihak berkuasa tempatan terlibat;
- (vi) kuasa, pengurusan, pentadbiran dan peranan pihak keselamatan (termasuk polis) di bandaraya terbabit.

Sewaktu lawatan kerja terbabit, delegasi kementerian telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan :

- (i) His Worship Sam Sullivan, Datuk Bandar City of Vancouver
- (ii) Ahli-ahli Majlis Bandaraya City of Vancouver
- (iii) Mr Graham PG Johnsen, Penolong Pengarah Perkhidmatan Perundangan, Jabatan Perundangan, City of Vancouver
- (iv) His Excellency Klaus Wowereit, Datuk Bandar City of Berlin
- (v) Pegawai-pegawai kanan Berlin City Hall
- (vi) Mr Graeme Gerrard, Timbalan Ketua Polis Daerah, dan Ketua Unit Kerja CCTV, United Kingdom

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Cheras mengenai ahli-ahli rombongan tersebut, sukacitanya dimaklumkan bahawa rombongan tersebut terdiri daripada:

BIL	Nama / Jawatan	Kementerian / Agensi
1	YB Dato Sri Zulhasnan Rafique Menteri Wilayah Persekutuan	
2	YBhg Datin Sri Siti Noorah Ana Razak Isteri Menteri Wilayah Persekutuan	
3	YBhg Dato Hj Ahmad Phesal Talib Ketua Setiausaha	Kementerian Wilayah Persekutuan
4	En Nik Ahmad Marzuki Nik Mohamed Penasihat Undang-undang	Kementerian Wilayah Persekutuan
5	En Mohd Noor Azlen Mohd Azizli Pegawai Tugas-tugas Khas Menteri	Kementerian Wilayah Persekutuan
6	Puan Mega Marissa A. Malek Penolong Setiausaha	Kementerian Wilayah Persekutuan
7	YBhg Datuk Ab Hakim Borhan Datuk Bandar Kuala Lumpur	
8	En Zulkifli Ibrahim Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)	DBKL
9	Pn Rohayah Karim Pengarah Jabatan Perundangan	DBKL
10	En Khalid Zakaria Timbalan Pengarah	DBKL
11	En Shaari Ahmad Junid Pegawai Khas Datuk Bandar	DBKL
12	YBhg Tan Sri Samsudin Osman Presiden Perbadanan Putrajaya	
13	Tn Haji Muhamad Haitamin Ishak Pengarah	Perbadanan Putrajaya
14	YBhg Dato Suhaili Abdul Rahman Pengerusi Perbadanan Labuan	
15	YBhg Dato' Basiran Saban Ketua Pegawai Eksekutif	Perbadanan Labuan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, kos perbelanjaan Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dibelanjakan bagi lawatan tersebut adalah sebanyak RM410,000 yang merangkumi kos tambang, penginapan, pengangkutan dan makanan. Kos perjalanan bagi pegawai-pegawai dari agensi-agensi di bawah kementerian ini adalah ditanggung sendiri oleh agensi terbabit yang mengikuti rombongan lawatan kerja ini.

SOALAN NO.: 29

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2008

SOALAN :

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan kepentingan pemuliharaan alam sekitar di kawasan-kawasan perindustrian dan juga zon-zon perniagaan utama di seluruh negara dijaga.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang alam sekitar bagi kawasan-kawasan perindustrian di seluruh negara bagi memastikan aktiviti perindustrian di kawasan tersebut mematuhi perundangan sedia ada. Jabatan Alam Sekitar telah melesenkan 413 kilang kelapa sawit dan 84 kilang getah asli mentah sebagai premis yang ditetapkan. Selain dari itu, mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar terdapat 27,805 punca pencemaran air, 13,645 punca pencemaran udara dan 14,277 pengeluar buangan terjadual. Program penguatkuasaan diaturkan secara rapi dan tindakan susulan mengikut peruntukan undang-undang diambil. Pentadbir zon-zon perniagaan pula adalah di bawah kawalan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

Nr: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

SOALAN 30 : **PR-1213-L16138**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' HAJI TAJUDDIN BIN
ABDUL RAHMAN (PASIR SALAK)**

TARIKH : **14 Oktober 2008**

SOALAN : **YB Dato' Haji Tajuddin bin Abdul
Rahman (Pasir Salak) minta
MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan kedudukan - terkini
hubungan Malaysia-Singapura
meliputi bidang kerjasama politik,
ekonomi dan sosial.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Salak ke atas soalan yang telah dikemukakan mengenai kedudukan terkini hubungan Malaysia – Singapura.

Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura pada masa ini berada di tahap yang baik dan merangkumi bidang kerjasama politik, ekonomi dan sosial. Hubungan mesra di antara pemimpin kedua-dua negara telah mewujudkan suasana positif untuk menggiatkan lagi kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang. Pertukaran lawatan di peringkat Menteri dan pegawai kanan juga dipertingkatkan bagi menjana suatu hubungan yang akrab dan mesra.

Pada keseluruhan perkembangan hubungan perdagangan dua hala adalah memberangsangkan dan semakin meningkat. Jumlah keseluruhan perdagangan untuk tahun 2007 adalah sebanyak RM146.4 bilion. Walaubagai manapun, jumlah perdagangan bagi tahun 2007 tidak banyak berlaku perubahan berbanding tahun-tahun


sebelumnya. Jumlah perdagangan dua hala bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 telah menunjukkan peningkatan yang stabil dari 9.47%, 15.44% dan 16.65% mengikut turutan berbanding tahun-tahun yang lepas.

Singapura merupakan rakan dagang Malaysia kedua terbesar di dunia pada tahun 2007 dengan jumlah keseluruhan perdagangan sebanyak 13.2%. Pada tahun 2007, Malaysia merupakan rakan perdagangan Singapura yang terbesar di dunia.


Bagi sektor industri pelancongan, pelancong Singapura menyumbangkan lebih daripada 50% dari keseluruhan kemasukan pelancong asing ke Malaysia dalam tahun 2007. Jumlah pelancong ke Malaysia dari negara itu semakin meningkat tahun demi tahun.

Walaupun masih ada isu-isu tertunggak di antara Malaysia dan Singapura yang belum diselesaikan, ia tidak menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara. Sebaliknya, kedua-dua belah pihak bersepakat bahawa adalah lebih baik untuk memberi tumpuan bagi mengeratkan lagi kerjasama di dalam bidang-bidang yang

berpotensi, termasuk perdagangan dan kerjasama ekonomi, untuk
faedah bersama.

Disediakan oleh : 
.....
Norliyana Alias
PSU Bahagian Asia Tenggara

Disemak oleh : 
.....
Dato' Ramlan Ibrahim
SUB Bahagian Asia Tenggara

Diluluskan oleh : 
.....
Y.Bhg. Dato' Othman Hashim
Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Luar Negeri

Tarikh : 12 Ogos 2008

**DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD

TARIKH : 14 OKTOBER 2008

SOALAN :

Dato' Dr.Zainal bin Ahmad [Hulu Selangor] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan berapa banyak sungai yang tercemar dengan teruk dan di manakah kedudukan sungai-sungai tersebut. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah pencemaran sungai-sungai yang telah terjejas tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan pengawasan kualiti air sungai ke atas 143 lembangan sungai di Malaysia. Berdasarkan pengawasan ini, terdapat sebanyak 7 lembangan sungai yang telah dikategorikan sebagai tercemar pada tahun 2007.

Lembangan-lembangan sungai yang tercemar adalah seperti berikut:

- (i) Sungai Juru, Pulau Pinang;
- (ii) Sungai Pinang, Pulau Pinang;
- (iii) Sungai Merlimau, Melaka;
- (iv) Sungai Segget, Johor;
- (v) Sungai Tebrau, Johor;
- (vi) Sungai Danga, Johor; dan
- (vii) Sungai-sungai Kawasan Pasir Gudang, Johor

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian melalui JAS dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi menangani masalah pencemaran sungai termasuk:

- (i) Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya yang menyekat pencemaran dari punca tetap (*point*

sources). Effluen dan sisa-sisa kumbahan dari industri dan loji-loji pengolahan kumbahan perlulah dirawat terlebih dahulu dan mematuhi had yang ditetapkan di bawah akta ini sebelum ianya dilepaskan ke mana-mana sungai. Selain itu, Kementerian ini juga sedang mengambil tindakan untuk mensyaratkan semua premis makanan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memasang Sistem Penapis Sisa Makanan (*Food, Oil & Grease Trap*) bagi menghalang sisa-sisa makanan, minyak dan gris daripada dilepaskan ke sungai;

- (ii) Melaksanakan program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai untuk mempertingkatkan kualiti air sungai. Melalui program ini, kajian bagi mengenalpasti punca-punca pencemaran di lembangan sungai yang telah dikenalpasti akan dijalankan dan pelan-pelan tindakan yang mengandungi langkah-langkah pencegahan pencemaran dan peningkatan kualiti air sungai akan disediakan. Pelaksanaan pelan-pelan tindakan ini akan melibatkan pelbagai agensi berkaitan mengikut bidang kuasa agensi masing-masing;
- (iii) Mengarah dan menghendaki pihak punca-punca pencemaran memasang dan mengendali kelengkapan kawalan pencemaran di premis masing-masing, di samping membina perangkap sampah;

- (iv) Mengadakan Program 'Satu Negeri Satu Sungai' yang bertujuan untuk memulih dan mengembalikan sungai serta persekitarannya yang telah tercemar atau rosak (*degraded river*) kepada keadaan asalnya;
- (v) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain agar dapat mempertingkatkan penguatkuasaan dan tindakan terhadap punca-punca pencemaran di bawah bidang kuasa masing-masing; dan
- (vi) Menyedarkan orang ramai tentang kepentingan sungai di dalam kehidupan seharian. Pelbagai aktiviti dan kempen bagi meningkatkan kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar dan orang-orang awam sedang giat dijalankan dalam usaha mengurangkan masalah pencemaran sungai.

Sekian, terima kasih.

NW: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

SOALAN 32 : PR-1213-L15770
PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI
AWANG (MARANG)
TARIKH : 14 Oktober 2008
SOALAN : Y.B Dato' Seri Abdul Hadi Awang
(Marang) minta **MENTERI LUAR
NEGERI** menyatakan tentang kes-kes
campur tangan asing dalam urusan
dalaman negara dengan ini
menyatakan latar belakang isu yang
berbangkit dan tindakan-tindakan yang
diambil sama ada di peringkat
diplomatik, undang-undang atau sudut
yang lain.

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang
Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

Saya mendapati soalan serupa pernah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli
Yang Berhormat sebelum ini dan saya telah pun menjawab
dengan terperinci pada 19 Ogos 2008 di dalam Dewan yang Mulia
ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Luar Negeri memandang serius terhadap apa jua bentuk cubaan atau usaha oleh pihak asing untuk campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara kita. Sebagai Menteri Luar Negeri, saya mengambil sikap yang tegas dan telah menyampaikan pendirian Kerajaan Malaysia kepada pihak asing yang tertentu, termasuk negara asing supaya tidak campur tangan, dengan izin "*interfere*" dalam urusan dan pelaksanaan undang-undang dalam negara ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah mengutus surat kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) meminta beliau mengingatkan negara-negara anggota agar tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara lain sebagaimana yang termaktub dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu 1945. Surat berkenaan telah pun dihantar kepada Setiausaha Agung PBB, TYT Ban Ki-moon pada 20 Ogos 2008.

Kementerian ini bersama Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa mengambil tindakan segera dalam memberi maklum balas terhadap sebarang tuduhan atau cubaan campur tangan terhadap urusan dalaman Malaysia. Para Duta Malaysia diberi bimbingan dan penerangan khusus agar boleh menolak dan menangkis sebarang tohmahan dari pihak asing termasuk laporan-laporan yang tidak tepat oleh pihak media. Saya sendiri telah melakukan beberapa sesi penerangan kepada Ketua-Ketua Perwakilan/Duta-Duta Malaysia di seberang laut berkaitan isu-isu dalaman negara supaya mereka mendapat maklumat yang jelas dan tepat dan seterusnya berkeyakinan untuk memberi penerangan di

tempat bertugas masing-masing dengan sewajarnya. Sehingga kini saya telah mengadakan sesi pertemuan dengan Ketua-Ketua Perwakilan/Duta-Duta Malaysia yang bertugas di rantau Timur Tengah dan Utara Afrika, benua Eropah dan benua Amerika.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Luar Negeri akan terus mengambil tindakan segera untuk memberi penjelasan atau menangkis sebarang tohmahan mana-mana pihak yang mempunyai persepsi yang salah terhadap Malaysia. Saya juga tidak akan teragak-agak untuk menegur mana-mana pihak yang cuba campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia, dan sekaligus mempersoalkan kedaulatan undang-undang negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TEO NIE CHING (SERDANG)

TARIKH : 14 OKTOBER 2008 (SELASA)

SOALAN :

**Y.B. Puan Teo Nie Ching (Serdang) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :**

- (a) bilangan OKU yang diupah oleh sektor swasta dan bilangan OKU yang diupah oleh Kerajaan; dan
- (b) bilangan OKU yang berniaga dan pendekatan Kerajaan untuk meningkatkan jumlah-jumlah ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa menggalakkan OKU untuk hidup berdikari dan pelbagai usaha telah dijalankan bagi membantu OKU bekerja di sektor awam, sektor swasta mahupun memulakan perniagaan sendiri.

Sehingga akhir Ogos 2008, bilangan OKU yang bekerja di sektor swasta ialah seramai 7,180 orang, manakala bilangan OKU yang bekerja di sektor awam pula sehingga bulan April 2008 adalah seramai 581 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) KPWK melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menggalakkan OKU melibatkan diri dalam perniagaan. Antara kemudahan yang disediakan oleh JKJ termasuklah menyediakan Geran Pelancaran berjumlah RM2,700 seorang sekali gus (*one-off*) bagi menggalakkan OKU menjana pendapatan sendiri melalui perniagaan atau perusahaan kecil-kecilan. Bilangan OKU yang menerima Geran Pelancaran bagi memulakan perniagaan sehingga bulan Mac 2008 adalah seramai 17 orang melibatkan peruntukan sebanyak RM42,400.

Bagi OKU yang telah berjaya memulakan perniagaan, Kementerian menggalakkan OKU tersebut memohon kemudahan-kemudahan yang disediakan di bawah Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) yang disediakan di bawah Jabatan Tenaga Kerja sebagai galakan OKU mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Selain itu, usaha-usaha yang dijalankan bagi menggalakkan penglibatan OKU dalam perniagaan adalah dengan mengadakan seminar bersama beberapa agensi kerajaan seperti MARA, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta pihak institusi kewangan bagi memberi pendedahan dan maklumat kepada OKU tentang peluang-peluang perniagaan dan kemudahan kredit.

SULIT

NO SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID
SHIRLIN [PAPAR]**

TARIKH : 14 OCTOBER 2008

SOALAN :

Y.B Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta Perdana Menteri menyatakan apakah peranan dan fungsi Sekretariat Hal Ehwal Wanita yang diwujudkan di Pejabat Perdana Menteri

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Sekretariat Pembelaan dan Pemerkasaan Wanita Islam (SENADA) akan bekerjasama dengan pihak-pihak yang relevan untuk memenuhi pelbagai fungsi dan keperluan. Di antaranya adalah seperti berikut:

1. Bertindak sebagai badan penasihat, perunding dan penyelaras kepada Kerajaan mengenai dasar-dasar berkaitan dengan pembangunan dan kebajikan wanita Islam;
2. Menentukan tidak wujud sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita Islam melalui peranan dan advokasi dalam pengubalan dasar, perundangan dan peraturan;
3. Bekerjasama dan mengadakan program dengan pelbagai agensi berkaitan mengenai halatuju wanita Islam;
4. Mengenalpasti isu-isu yang membabitkan wanita muda Islam dan keluarga Islam serta menangani isu tersebut;
5. Mengadakan jaringan hubungan kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan lain-lain agensi dalam dan luar Negara.

Maklumat Tambahan:

Kuasa Sekretariat diasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan Perkara 8(2), Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Negara, Konvensyen, Deklarasi serta Resolusi di peringkat antarabangsa yang digunapakai, ditandatangani dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, antaranya:

- i. Konvensyen Penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita:
- ii. Deklarasi Beijing dan Pelan Tindakan Bertindak Beijing:
- iii. Pelan Tindakan Komanwel Mengenai Pembangunan Wanita:
- iv. Deklarasi Putrajaya Mengenai Pembangunan Wanita Pergerakan Negara- Negara Berkecuali (NAM):
- v. Keputusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gender.